

17/05/2003

PM akan rasmi mesyuarat Umno Kubang Pasu

ALOR STAR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Mesyuarat Umno Bahagian Kubang Pasu pada 23 Mei ini di Dewan Wawasan, Jitra, dalam lawatan seharinya ke negeri ini.

Dr Mahathir yang juga Ketua Bahagian Kubang Pasu juga dijadualkan menghadiri mesyuarat perwakilan yang dijadualkan sebelah petang, selepas solat Jumaat.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka

tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas kira-kira jam 8.45 pagi dan terus dibawa ke Dewan Wawasan, Jitra, tempat berlangsungnya mesyuarat berkenaan.

Sebaik tiba, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dijadualkan memeriksa kawalan kehormat Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu, diikuti upacara menaikkan bendera Umno dan nyanyian lagu Umno oleh koir Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri selain disambut paluan Gendang Pribumi.

Majlis perasmian itu turut dimeriahkan dengan tayangan Video Cakera Padat (VCD) Perjuangan Yang Belum Selesai.

Selepas menyampaikan ucapan perasmian, Dr Mahathir akan menyampaikan pingat kepada 83 veteran Umno dan kutipan derma Pemuda bahagian berjumlah

RM12,000 kepada Rumah Anak Yatim, Sik.